

22 APR 1997

Mahathir-Teknologi (Bergambar)

PENGUSAHA TEMPATAN JANGAN TAKUT CEBURI BIDANG PEMBUATAN

BUTTERWORTH, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengusaha tempatan tidak perlu takut untuk memasuki bidang pengeluaran komponen dan barangan siap berteknologi tinggi untuk dibekalkan kepada syarikat antarabangsa memandangkan bidang itu mempunyai potensi dan masa depan yang cerah.

Katanya pengusaha berkenaan tidak perlu menunggu sehingga mereka diberikan kontrak barulah hendak memulakan perniagaan masing-masing seperti mendirikan kilang, mencari teknologi, jurutera dan pekerja mahir.

"Mereka boleh memulakan perusahaan secara kecil-kecilan untuk membuktikan mereka mampu mengeluarkan barangan berkualiti tinggi bagi mendapatkan kepercayaan syarikat antarabangsa dan syarikat besar lain," katanya ketika merasmikan kilang Unico Teknologi Bhd di Kawasan Perindustrian Bebas Prai.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Mohd Shariff Omar, anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri serta Pengerusi Unico Tan Sri Ngan Ching Wen.

Unico adalah anak syarikat Unico Holding yang ditubuh pada 1992 bagi mengeluarkan barangan dan komponen elektronik untuk dibekalkan kepada beberapa syarikat antarabangsa di negara ini.

Dr Mahathir berkata, pengusaha tempatan boleh memulakan pengeluaran barangan seperti komponen elektronik secara kecil-kecilan dahulu dan kemudian menerokai pula bidang pengeluaran barangan siap.

Katanya, kejayaan syarikat tempatan seperti Unico dan Malaysia Electronic Corporation (MEC) serta Pensonic yang berjaya mengeluarkan barangan siap membuktikan bidang berkenaan mampu diterokai oleh pengusaha tempatan.

"Bidang ini mempunyai banyak potensi. Apa yang penting ialah kesanggupan kita memasuki bidang ini tetapi ramai yang tidak percaya pada diri sendiri untuk mengeluarkan komponen barangan yang canggih seperti ini," kata beliau.

Menurutnya kebanyakan daripada mereka kurang yakin untuk mengeluarkan barangan dengan jenama sendiri (tempatan) kerana bimbang ia tidak mendapat sambutan orang ramai.

Katanya, terdapat pengusaha yang mahukan jaminan supaya barangan mereka dibeli oleh syarikat besar apabila mereka diminta memasuki bidang pengeluaran terbabit.

Dr Mahathir berkata, industri besar tidak boleh memberi jaminan bahawa mereka akan membeli barangan yang dikeluarkan oleh syarikat baru sekiranya belum mempunyai jaminan kualiti barangan yang akan dikeluarkan.

"Yang lebih penting, syarikat-syarikat besar itu tidak mahu putus hubungan dengan pembekal asal mereka semata-mata untuk memberi peluang kepada pembekal baru yang belum membuktikan kualiti barangan mereka," katanya.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa jurutera tempatan mempunyai kemampuan yang tinggi untuk membantu kejayaan pengusaha yang menceburi pengeluaran barangan berkenaan.

Ini terbukti daripada lawatannya ke kilang-kilang antarabangsa yang mendapati mereka mampu menghasilkan pengeluaran barangan canggih dan menjadi pembekal kepada syarikat besar, katanya.

"Kita tidak menolak pelaburan asing dalam bidang ini kerana nilai eksport barangan elektronik adalah tinggi, kira-kira RM60 billion tetapi

dihasilkan oleh syarikat asing," katanya, sambil menambah sekiranya syarikat tempatan yang mengeluarkan barangan tersebut, ia akan dapat membantu meningkatkan pendapatan negara.

Ketika menceritakan mengenai kejayaan kilang Unico, Perdana Menteri berkata, pada peringkat permulaan beliau menjadi Perdana Menteri beliau telah meminta Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mengadakan kerjasama untuk menerokai bidang perusahaan dan perniagaan di negara ini.

Malangnya, kata beliau, kerjasama itu tidak dapat dicapai kerana DPMM mempunyai beberapa sebab serta tidak sanggup mengadakan kerjasama seperti itu dengan Dewan Perniagaan Cina.

"Ini menyebabkan Dewan Perniagaan Cina menubuhkan Unico Holding dan salah satu projeknya ialah penubuhan kilang ini yang telah memperlihatkan kejayaan besar sehingga berjaya memperolehi jualan melebihi RM300 juta tahun lepas," katanya.

Bagaimanapun, kerjasama antara kedua-dua dewan perniagaan itu berjaya diwujudkan selepas Tan Sri Yahaya Ahmad (kini Allahyarham) mengambil alih pucuk pimpinan DPMM. -- BERNAMA

SA NMO